

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/08/2007

PM: Pembangkang sengaja bangkitkan isu kontrak sosial

um - 28/8/2007

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, parti pembangkang sengaja membangkitkan isu kontrak sosial dan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam semata-mata untuk kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berkata, semakin dekat Malaysia menghampiri ulang tahun kemerdekaan 50 tahun, pembangkang juga kerap membangkitkan isu tersebut walaupun beliau sebelum ini telah beberapa kali menjelaskan mengenai perkara itu.

Menurut Abdullah, beliau akan sekali lagi menjawab isu itu supaya ia tidak dipanjangkan sehingga menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, Malaysia bukanlah sebuah negara sekular ataupun teokratik.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Malaysia adalah sebuah negara Islam yang ditadbir berlandaskan prinsip-prinsip Islam dan berpegang teguh kepada prinsip demokrasi berparlimen yang berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, prinsip Islam yang beliau maksudkan itu dapat dilihat melalui pendekatan Islam Hadhari yang beliau perkenalkan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim

Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ketua Pembangkang itu dalam soalnya antara lain meminta Perdana Menteri menyatakan apakah Kabinet akan melafazkan semula ikrar kontrak sosial merdeka sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-50.

Di bawah pendekatan Islam Hadhari, kata Abdullah, kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban dan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, kesihatan dan fizikal.

"Pendekatan Islam Hadhari adalah satu panduan kepada kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama kepada semua rakyat Malaysia.

"Islam Hadhari juga memenuhi keperluan untuk mengekalkan keharmonian di kalangan penduduk yang berbilang kaum dan agama di negara ini," katanya.

Abdullah memberitahu, barisan Kabinet yang terdiri daripada menteri-menteri beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian sama-sama bermuafakat membincangkan dan menghasilkan dasar pembangunan negara.

Tambahnya, kerajaan sentiasa memberi

Malaysia adalah sebuah negara Islam yang ditadbir berlandaskan prinsip-prinsip Islam dan berpegang teguh kepada prinsip demokrasi berparlimen yang berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana
Menteri

perhatian dan melaksanakan apa juga yang terbaik untuk memelihara perpaduan serta menjaga kepentingan rakyat termasuk memastikan rakyat bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing.

"Semua pihak mendapat bantuan daripada kerajaan sama ada masjid, surau, kuil atau gereja. Pembangunan negara telah dilaksanakan dengan adil tanpa menindas mana-mana kaum atau agama.

"Sebenarnya inilah juga yang dimaksudkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika beliau menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam," ujarnya.

Menurut Abdullah, formula unik itu telah digunapakai oleh kerajaan Malaysia selama lebih 50 tahun.

"Saya tidak nampak kenapa kerajaan yang dibentuk seperti ini tidak boleh dite-

ruskan pada masa hadapan.

"Kita perlu mengingati bahawa Perlembagaan Persekutuan telah berjaya digubal atas sikap tolak ansur dan kerjasama yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini sewaktu menuntut kemerdekaan," ujarnya.

Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan memberikan ruang kepada pelbagai pihak untuk bersuara.

"Kerajaan juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang sekiranya ada pihak cuba mengambil kesempatan dan menyalahgunakan kebebasan bersuara yang telah diberikan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru semua rakyat memperbaharui semangat cintakan tanah air sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-50.